MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

IKLAN JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.

1.	**Nama Jawatan**	**: PEMBANTU KHIDMAT AM**
	Klasifikasi	: Kemahiran
	Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
	Bilangan Kekosongan	: **28**
	Taraf Jawatan	: **KONTRAK/TETAP**
	Gred H1	**Jadual Gaji Minimum Maksimum**
		: RM1,500.00 – RM4,680.00
	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM100.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

   (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau

   (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau

   (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau

(iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN :

Kelayakan SPM

i. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; atau

ii Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

Kelayakan SVM

i. Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan

ii Kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web **https://digital.perak.my mulai 25 NOVEMBER 2026. Pemohon diingatkan untuk mengisi alamat email dan nombor telefon yang aktif dalam borang permohonan.**

2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA.**

3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Ujian Bertulis/Temuduga.

4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil persekolahan/akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

5. Sebarang urusan melibatkan teknikal Sistem Permohonan Jawatan Kosong melalui portal https://digital.perak.my hendaklah menghubungi Pasukan Help Desk Perak Digital melalui emel perakdigital.kperak@gmail.com (contoh : Lupa Kata Laluan)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Sebelum atau pada 1 DISEMBER 2026.

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR